



# GARIS PANDUAN LALUAN KEMUDAHAN UTILITI DAN PENGGALIAN JALAN

Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Johor  
July 2011



( 3 )

**KERTAS TINDAKAN  
MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN (EX.CO.) JOHOR**

Kepada: Pengarah Jabatan Perancangan Bandar ..... Bil.Fail: JPBD.J1/81/2 .....  
Dan Desa Negeri, Johor. ....

Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada ...22/6/2011..... telah menimbang Ringkasan Mesyuarat Bil. ...847/2011.... iaitu Kertas Bil. ( 2 ) dalam fail ini dan telah mengambil keputusan bagaimana berikut:-

Majlis **BERSETUJU** supaya Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti dan Penggalian Jalan digunakan dan dilaksanakan di semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan/Agensi Teknikal berkaitan di Negeri Johor.

2. Sukacita sekiranya dapat pihak Y.B. Dato'/Datin Paduka/ Tuan/Puan mengambil tindakan atas perkara sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Tarikh: 6/7/2011.  
s.k. - Y.B. Pengerusi J/Kuasa Perumahan,  
Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan  
Kemudahan Awam Negeri, Johor.

HMHH/os/hm

  
(HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH)  
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Johor

**GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN  
LALUAN KEMUDAHAN UTILITI DAN PENGGALIAN JALAN**

---

---

**Kandungan Garis Panduan**

---

---

**BAHAGIAN 1**

**PERMULAAN**

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Tujuan.
4. Objektif.

**BAHAGIAN 2**

**GARIS PANDUAN**

5. Garis panduan laluan kemudahan utiliti dan *dedicated utilities road crossing* (DURC)
6. 6A. Garis panduan kerja-kerja penggalian secara terancang  
6B. Garis panduan kerja-kerja penggalian jalan luar jangka  
6C. Garis panduan pemantaun aktiviti-aktiviti penggalian
7. Urustadbir infrastruktur utiliti
8. Jawatankuasa pengurusan koridor infrastruktur Negeri Johor
9. Penutup

**LAMPIRAN**

Lampiran 1: Rekabentuk koridor utiliti dan *dedicated utilities road crossing*

Lampiran 2: Rekabentuk duktus gunasama telekomunikasi

Lampiran 3: Mekanisma memproses permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan

Lampiran 4: Susunan laluan utiliti

Lampiran 5: Pengiraan caj pemprosesan dan wang amanah

Lampiran 6: Senarai semak permohonan penyelia utiliti

Lampiran 7: Borang kawalselia utiliti penyelia utiliti

Lampiran 8: Carta aliran kerja pihak penyelia utiliti

# GARIS PANDUAN LALUAN KEMUDAHAN UTILITI DAN PENGALIAN JALAN

## BAHAGIAN I PERMULAAN

### 1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

*Tajuk*

(1) Garis Panduan ini bolehlah dinamakan **Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti dan Pengalihan Jalan** dan hendaklah dipakai bagi semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam negeri Johor.

(2) Garis Panduan ini hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

### 2. Tafsiran.

*Tafsiran*

(1) Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“**Koridor utiliti**” bermaksud ruang untuk laluan kemudahan utiliti seperti kabel elektrik, telekomunikasi, paip air, paip gas, laluan perparitan, saluran, pembetulan, penempatan bagi talian lampu awam, pondok-pondok telefon dan sebagainya;

“**Kerja-kerja penggalian terancang**” bermaksud kerja-kerja yang telah dirancang dan dijadualkan perlaksanaan seperti i. pemasangan utiliti baru, penggantian, pengalihan atau menaiktaraf utiliti dan ii. pembinaan jalan baru dan pelebaran jalan

“**Penggalian di luar jangka**” bermaksud kerja-kerja pembaikan yang melibatkan kerja-kerja pemotongan dan penggalian jalan yang perlu disegerakan atas kepentingan umum dan kecemasan seperti i. Kebocoran paip, ii. Kerosakan atau kegagalan berfungsi kabel elektrik atau telekomunikasi dan iii. Kerosakan jalan yang memerlukan penurapan segera;

“**Pihak Berkuasa Jalan**” bermaksud pihak berkuasa ke atas jalan sama ada jalan persekutuan, jalan negeri, bandaran, tempatan atau jalan luar bandar iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), PBT dan Pejabat Daerah dan lain-lain.

“**Penyedia Utiliti**” bermaksud syarikat yang melaksanakan penyediaan utiliti seperti Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM), Gas Malaysia dan lain-lain yang dilantik oleh Kerajaan.

“**Penyelia Utiliti**” adalah mana-mana syarikat yang dilantik oleh Kerajaan bagi tujuan menyelaraskan dan menyelia aktiviti berkaitan pembangunan dan penyelenggaraan utiliti di negeri Johor.

‘**Pemohon**’ adalah penyelia utiliti yang memohon untuk membina dan memasang infrastruktur utiliti.

‘‘**Pelan Infrastruktur Utiliti**’’ adalah pelan pembinaan infrastruktur bagi pembangunan atau penyelenggaraan termasuk dokumen sokongan seperti laporan imbasan dan lain-lain maklumat yang berkenaan.

3. Garis panduan ini bertujuan untuk memandu dan merancang pembangunan rizab utiliti bagi pembangunan baru dan sedia ada dan mengawal selia aktiviti penggalian jalan akibat penyelenggaraan / pembaikan utiliti supaya situasi jalan dalam keadaan baik dan perancangan dan pembangunan utiliti akan lebih teratur dan terkawal. *Tujuan.*

4. Objektif garis panduan dan piawaian perancangan adalah seperti berikut: *Objektif.*

- (1) Memastikan perancangan dan penyediaan rizab serta penempatan utiliti di negeri Johor adalah selaras dan bersistematik;
- (2) Memastikan penggalian jalan untuk penyelenggaraan/ pembaikan utiliti dibuat dengan teratur, terkawal dan dipulihkan sebaik-baiknya.
- (3) Menjaga kesejahteraan dan keselamatan pengguna jalan raya dan masyarakat.

## BAHAGIAN 2

### GARIS PANDUAN LALUAN KEMUDAHAN UTILITI DAN PENGGALIAN JALAN

5. Pembangunan baru di kawasan *greenfield* hendaklah menyediakan satu laluan rezab yang bersepadu (*common*) dengan pembinaan satu duktus (*common ducting*). *Perancangan tapak bagi pembangunan baru*

(1) Rekabentuk :

- (a) Bagi jalan 66 kaki (20 meter) dan ke atas, koridor utiliti selebar 10 kaki (3 meter) hendaklah disediakan di luar R.O.W (*Right of Way*) di kiri dan kanan jalan (Lampiran 1). *Koridor utiliti*
- (b) Bagi hirarki jalan rezabnya kurang 66 kaki, penyediaan koridor dan penempatan utiliti adalah berdasarkan garis panduan laluan kemudahan utiliti dan *service protocol*, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.
- (c) Bagi jaringan utiliti yang merentasi jalan iaitu jalan pengumpul dan jalan tempatan, hendaklah menyediakan satu *dedicated utilities road crossing* (DURC) sepertimana Lampiran 1. Rekabentuk rezab seperti berikut: *Dedicated utilities road crossing (DURC)*
  - i. Kelebaran minima laluan hendaklah 3.5 meter dan menggunakan rekabentuk batu-bata yang tahan lama dan bewarna;

ii. Penyediaan DURC adalah seperti berikut:

- (a) Satu (1) DURC bagi setiap 500 meter di kawasan perumahan
- (b) Satu (1) DURC bagi setiap 250 meter di kawasan industri dan perniagaan.

(2) Penempatan utiliti hendaklah berada di luar permukaan jalan berturap iaitu:- *Penempatan utiliti*

- (a) Cadangan laluan utiliti hendaklah diletakkan di dalam rezab koridor utiliti yang disediakan;
- (b) Cadangan laluan utiliti hendaklah diletakkan di bahu jalan yang tidak diturap sepenuhnya;
- (c) Koridor utiliti hendaklah berada di luar permukaan bercerun. Sekiranya bahu jalan terletak di kawasan bercerun, pengambilan balik tanah hendaklah dilaksanakan.

(3) Rangkaian;

(a) Rangkaian utiliti mengikut konsep bistari melalui rangkaian dan jaluran bawah tanah (*common trenching*). *Konsep rangkaian*

(b) Rangkaian utiliti yang menggunakan tiang adalah tidak dibenarkan.

(c) Koridor utiliti boleh berada di bawah permukaan jalan berturap bagi:- *Laluan kemudahan di bawah permukaan jalan berturap*

i. Lorong belakang iaitu rezab jalan kurang dari 6.10m (20 kaki)

ii. Lorong tepi iaitu rezab jalan kurang dari 6.10m (20 kaki)

iii. Rezab jalan yang diturap sepenuhnya dan mempunyai ruang tempat letak kenderaan.

(4) Cadangan laluan kemudahan utiliti bagi jalan sedia ada tanpa koridor utiliti hendaklah mengikut jarak piawai seperti berikut. *Susunan utiliti*

(a) Paip air (i) 750mm dari dinding parit jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama (rujuk rajah E1)

(ii) 300mm-450mm dari dinding parit atau dari utiliti bersebelahan jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama (rujuk rajah E2)

(iii) 300mm-450mm dari dinding parit atau dari utiliti bersebelahan jika jalan diturap sepenuhnya. (Rujuk rajah E3)

(b) Paip pembentungan (i) 300mm-1200mm dari dinding parit atau dari utiliti bersebelahan jika terdapat

- utiliti lain pada bahu jalan yang sama  
(Rujuk rajah E4)
- (ii) Laluan paip mestilah berada di tengah-tengah bagi lorong belakang  
(rujuk rajah E5)
- (c) Kabel elektrik/telekomunikasi (i) 300mm dari dinding parit atau dari utiliti bersebelahan jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama  
(rujuk rajah E6)
- (d) Lurang pembedungan (i) 0-300mm dari dinding parit atau dari utiliti bersebelahan jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama  
(Rujuk rajah E8)
- (ii) Lurang tidak boleh terletak di tengah-tengah jalan melainkan diluluskan.
- (e) Lurang telekomunikasi (i) 0-300mm dari dinding parit atau dari utiliti bersebelahan jika terdapat utiliti lain pada bahu jalan yang sama  
(Rujuk rajah E8)
- (f) Lain-lain komponen utiliti (i) Cadangan susunan mestilah yang paling minima daripada infrastruktur yang lain-lain.
- (5) Lanskap hendaklah dikordinasikan supaya tidak berada di atas laluan koridor utiliti cadangan. *Lanskap*
- (6) Insentif penyediaan koridor utiliti: *Insentif*
- (a) Penyediaan rezab koridor utiliti boleh diambilkira dalam pengiraan sepuluh (10) peratus kawasan lapang.
- (b) Rezab koridor utiliti adalah termasuk di dalam pengiraan 3% penyediaan kemudahan awam.
- (7) Mana-mana perkara yang tidak dinyatakan dalam garis panduan ini, keperluan jalan hendaklah mematuhi "*Guidelines and Geometric Standards On Road Networks System*" dan Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.
- (8) Mekanisma permohonan
- (a) Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengenakan syarat penyediaan rizab koridor utiliti di peringkat kelulusan Kebenaran Merancang. *Mekanisma permohonan kebenaran merancang dan pelan kejuruteraan*
- (b) Kelulusan pelan kejuruteraan hendaklah disertakan bersama pelan infrastruktur utiliti yang telah disokong oleh pihak penyelia utiliti (Lampiran 3).

(c) Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memastikan pelan infrastruktur utiliti yang diluluskan menunjukkan perkara berikut:

- (i) Cadangan susunan dan laluan infrastruktur sedia ada dan cadangan
- (ii) Cadangan laluan DURC (*Dedicated Utilities Road Crossing*)
- (iii) *Tapping point* bagi cadangan utiliti
- (iv) Perincian keratan rentas cadangan utiliti
- (v) Kedudukan rezab koridor utiliti dan rezab bahu jalan

(9) Mekanisma pemantauan

- (a) Sebelum kelulusan sijil kesempurnaan menduduki (CCC) dikeluarkan, pembangunan infrastruktur dan utiliti hendaklah dipastikan diselaraskan dan disiapkan oleh pemaju dan penyedia utiliti. *Kelulusan sijil kesempurnaan menduduki (CCC)*
- (b) Permohonan sijil kesempurnaan menduduki (CCC) hendaklah mendapatkan sokongan penyelia utiliti sebelum diluluskan.
- (c) Perunding/ pemaju hendaklah membuktikan perkara-perkara seperti berikut semasa pemeriksaan dijalankan untuk kelulusan iaitu:
  - i. Kerja-kerja yang telah disempurnakan adalah mengikut seperti pelan-pelan kelulusan dan garis panduan penyelia utiliti
  - ii. Kerja-kerja yang telah disempurnakan adalah mengikut sepertimana pelan-pelan kelulusan dan spesifikasi dari PBT, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi teknikal yang berkaitan.

## **6. Penyelenggaraan/ Pembinaan Utiliti di Kawasan Pembangunan Sedia Ada (*Brownfield*) yang melibatkan Pengalihan Permukaan Berturap Jalan**

6A. Syarat-syarat am permohonan pengalihan jalan secara terancang

(1) Sebelum Kerja dijalankan

- (a) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Jalan melalui Penyelia Utiliti. *Permohonan*
- (b) Wang Amanah
  - (i) Wang amanah dalam bentuk tunai perlu dibayar kepada Pihak Berkuasa Jalan yang berkenaan sebelum kerja dijalankan melalui Penyelia Utiliti. *Wang amanah*
  - (ii) Kadar dan amaun wang amanah adalah mengikut kes iaitu minima 10% daripada kos terlibat.
- (c) Permohonan hendaklah menggunakan borang dan senarai semak penyelia utiliti yang telah diselaraskan di peringkat Pihak Berkuasa Jalan sepertimana di lampiran 7.



- (d) Penyelia utiliti hendaklah menentukan jajaran utiliti cadangan melalui tinjauan awal sebelum permohonan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Jalan.
- (e) Pelan infrastruktur utiliti hendaklah di serahkan kepada Pihak Berkuasa Jalan yang mengandungi perkara-perkara berikut: *Pelan infrastruktur utiliti*
- (i) Pelan Lokasi
  - (ii) Laluan utiliti sedia ada
  - (iii) Spesifikasi dan laluan utiliti cadangan
  - (iv) Gambar lokasi dan peta berkaitan
  - (v) Pengesahan setiap pihak yang berkenaan
- (f) Penyelia utiliti hendaklah menyusun dan menyediakan dokumen permohonan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Jalan seperti: *Dokumen serahan*
- (i) Surat permohonan
  - (ii) Borang
  - (iii) Pelan infrastruktur utiliti
  - (iv) Salinan insuran jika ada
  - (v) Jadual kerja dan lain-lain seperti ditetapkan.
- (g) Kelulusan permit akan diberikan oleh Pihak Berkuasa Jalan atas nama Penyelia Utiliti dan dimaklumkan kepada Penyedia utiliti melalui Penyelia Utiliti untuk memulakan kerja secara bertulis. *Permit*
- (h) Pemohon hendaklah memberi notis bertulis kepada Pihak Berkuasa Jalan sekurang-kurang 48 jam terlebih awal sebelum kerja-kerja dimulakan. *Notis kerja*
- (i) Tempoh menjalankan kerja-kerja penanaman kabel/ paip setelah diluluskan adalah dua (2) minggu dan sekiranya tamat tempoh dan tiada kerja-kerja dijalankan permohonan dianggap terbatal. *Tempoh penanaman kabel*
- (j) Tempoh lanjutan masa hendaklah dipohon dua (2) minggu sebelum tamat tempoh satu (1) bulan kelulusan, dan sekiranya tiada kerja-kerja tidak boleh dijalankan. *Lanjutan masa*
- (2) Semasa Kerja dijalankan
- (a) Waktu menjalankan kerja
    - (i) Pihak Berkuasa Jalan hendaklah dimaklumkan tarikh dan masa kerja menggali dan jangkaan siap.
    - (ii) Penjadualan kerja di jalan-jalan dan persimpangan yang penting dan sibuk hendaklah pada waktu diluar waktu puncak “*off peak period*” atau lewat malam.
  - (b) Melainkan diluluskan, kerja pemasangan utiliti yang merentasi jalan berturap hendaklah dilakukan melalui kaedah penggerudian berarah (HDD),

- (c) Papan tanda keselamatan serta lampu keselamatan sebagaimana Arahan Teknik JKR 2C/85 hendaklah dipatuhi.
  - (d) Kerja-kerja yang dijalankan hendaklah mengikut REAM-GL4/2002
  - (e) Penyelia Utiliti dan kontraktor penyedia utiliti hendaklah memastikan tapak pembinaan dalam keadaan bersih dan kemas sepanjang masa.
  - (f) Kebenaran daripada pemilik tanah persendirian hendaklah diperolehi sekiranya kerja-kerja yang dijalankan menjangkau ke tanah persendirian.
  - (g) Bahan-bahan binaan, papan tanda, kabel,paip, mesin, jentera berat yang digunakan bagi kerja-kerja penggalian hendaklah di simpan di dalam setor yang disediakan bagi mengelakkan gangguan kepada lalulintas.
- (3) Selepas Kerja dijalankan
- (a) Laporan siap kerja hendaklah disediakan oleh Penyelia Utiliti berdasarkan laporan daripada kontraktor.
  - (b) Kandungan laporan mengandungi perkara seperti:-
    - (i) Gambar sebelum dan selepas siap
    - (ii) Pelan *as-built* iaitu pelan infrastruktur utiliti beserta laporan imbasan
    - (iii) Ulasan dari pihak berkuasa lain sekiranya berkaitan
  - (c) Laporan siap kerja hendaklah disahkan melalui satu lawatan tapak bersama terdiri daripada Penyedia Utiliti, kontraktor, Penyelia Utiliti dan Pihak Berkuasa Jalan.
  - (d) Pihak Pihak Berkuasa Jalan tidak bertanggungjawab ke atas kerosakan, kerugian atau mana-mana tuntutan daripada pihak ketiga akibat kerosakan atau kecederaan individu.
  - (e) Sekiranya pembinaan tidak memenuhi syarat dan spesifikasi, kontraktor bertanggungjawab membaiki kerosakan dengan kos tanggungan sendiri dalam tempoh 7 hari dari notis dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Jalan kepada Penyelia Utiliti.
  - (f) Sekiranya berlaku kegagalan membaik pulih kerosakan selepas tempoh masa ditetapkan, pihak Penyelia Utiliti adalah bertanggungjawab untuk membaiki kerosakan dan mengenakan bayaran seperti di subsekyen 3(f) kepada kontraktor ataupun Penyedia Utiliti menerusi pemotongan wang amanah (penggalian terancang) atau akaun deposit (penggalian di luar jangka).
  - (g) Bagi jalan yang baru dilapismuka dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun jika penggalian terbuka terpaksa dilakukan, Pihak Berkuasa Jalan atau Penyelia Utiliti boleh mengenakan kadar RM30.00 per meter persegi kepada Penyedia utiliti yang terlibat bagi membolehkan penyelia utiliti atau Pihak Berkuasa Jalan menjalankan kerja lapisanmuka bagi menutupi kecacatan laluan *Penurapan semula*

parit. Luas jalan yang akan dilapismuka hendaklah 3 meter. Kerja lapisanmuka ini akan dikendalikan sendiri oleh Penyelia Utiliti atau Pihak Berkuasa Jalan dan kos yang terlibat mengikut kadar RM30.00 per meter persegi.

- (h) Sijil Sempurna Siap Kerja akan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Jalan semua kerja-kerja pembinaan selesai dan kerja pembaikan telah dijalankan mengikut syarat dan garis panduan yang ditetapkan.
  - (i) Wang amanah akan dipulangkan selepas 6 -12 bulan dari tarikh sijil sempurna siap kerja dikeluarkan.
- (4) Syarat-syarat teknikal
- (a) Kerja pengorekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara “clean-cut with diamond cutter”, penggunaan jentera pengorek secara terus tidak dibenarkan. *Pengorekan terbuka*
  - (b) Panjang parit yang boleh digali dan dibiarkan terbuka dalam satu-satu masa hendaklah dihadkan sehingga 50 meter bagi semua jenis utiliti kecuali kabel telekomunikasi dan elektrik dimana 250 meter adalah dibenarkan. *Panjang penggalian pada satu-satu masa*
  - (c) Turapan jalan di sisi parit hendaklah dipotong dalam garisan yang lurus dengan menggunakan pemotong berlian pada kedalaman sekurang-kurangnya 300 mm. *Kedalaman penggalian*
  - (d) Tiada bahan – bahan penggalian boleh digunakan untuk tujuan menimbus semula dan perlu dialihkan dari tapak. *Bahan-bahan pengorekan*
  - (e) Setiap korekan parit hendaklah terlebih dahulu disediakan dinding penahan sementara atau penutup untuk melindungi daripada runtuh dan penenggelaman atau retakan pada turapan yang bersambung atau harta awam. *Pembinaan dinding penahan sementara*
  - (f) Paip, kabel dan sebagainya yang berada di bawah tanah hendaklah diletakkan, pada ukuran yang bertutup sekurang-kurangnya 1.2 meter dari permukaan jalan, bahu jalan atau daratan. *Kedalaman perletakkan utiliti*
  - (g) Sebelum penggalian parit dilakukan untuk kerja pemasangan, pemohon hendaklah menggali lubang (*pilot pit*) di lokasi yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Jalan untuk memastikan lokasi sebenar utiliti sedia ada. *Pilot pit*
  - (h) Dalam pelaksanaan kerja-kerja, jalan tidak boleh ditutup sepenuhnya kepada lalulintas. *Penutupan jalan*
  - (i) Lencongan sementara, jika tidak dapat dielakkan boleh diselenggarakan jika terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Jalan. *Lencongan sementara*
  - (j) Penggalian permukaan jalan sedia ada hendaklah menggunakan kaedah Penggerudian Berarah (*Horizontal Directional Drilling*), Pipe Jacking atau tunnelling dan penggalian terbuka adalah tidak dibenarkan. *Penggalian merentasi jalan sedia ada*

- (k) Kerja penggalian secara terbuka hanya boleh dipertimbangkan sekiranya jalan tersebut di dalam kategori berikut: *Pengecualian untuk kerja penggalian secara terbuka*
- (i) Jalan sedia ada yang tidak berturap;
  - (ii) Jalan sedia ada bagi kawasan perindustrian dan perumahan yang berukuran kurang daripada 50 kaki (15.24 meter) lebar rezab jalan;
  - (iii) Jalan sedia ada yang memerlukan penurapan semula di atas arahan Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
  - (iv) Cadangan projek adalah melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan yang memerlukan kerja-kerja pengalihan utiliti sedia ada di jalankan terlebih dahulu.
- (l) Penutupan perparitan yang di korek (*backfill*)
- (i) Timbusan semula (*backfill*) hendaklah menggunakan bahan kasar yang diiktiraf / diluluskan mutunya.
  - (ii) Bahan hasil sisa penggalian parit tidak boleh digunakan semula.
  - (iii) Bahan menimbus balik hendaklah mempunyai lapisan yang padat tidak melebihi 250mm dengan menggunakan mesin yang bersesuaian.
  - (iv) Darjah kepadatan setiap lapis di bawah laluan pejalan kaki hendaklah tidak kurang daripada 95% daripada kepadatan kering yang diperolehi dengan menggunakan *B.S Heavy Compaction Test*.
  - (v) Pihak Berkuasa Jalan mempunyai kuasa untuk mengarahkan pengalihan semula bahan-bahan timbusan sekiranya ujian yang dilakukan berada di bawah tahap yang ditetapkan.
  - (vi) Segala kos pengalihan semula bahan-bahan timbusan adalah ditanggung oleh pemohon.
  - (vii) Melainkan turapan jalan telah dilakukan dengan kadar segera selepas menimbus balik, parit hendaklah ditutup secara sementara dengan menggunakan besi logam dengan ketebalan yang sesuai beserta keselamatan yang ketat untuk memudahkan pembukaan jalan secara sementara. Setiap besi logam hendaklah dikekalkan sehingga penimbusan semula secara kekal dilakukan. *Penutupan sementara*
- (m) Penurapan semula jalan adalah sama seperti struktur turapan sedia ada dan mengikut Arahan Teknik Jalan 85; *Tempoh Penurapan Semula*
- i. Tempoh penurapan semula
    - Siap dalam tempoh 3 hari selepas menimbus balik parit;
    - 24 jam bagi penggalian parit merentasi jalan sedia ada;
    - Secepat mungkin untuk *pilot pit*

- ii. Penurapan semula hendaklah sama rata dengan permukaan penurapan sedia ada dengan kelebaran sekurang-kurangnya satu (1) meter tertakluk kepada kerja-kerja yang dijalankan.
- (n) Pemohon adalah berkewajipan untuk membaiki kerosakan pada kerja yang dilakukan dengan segala kos ditanggung sendiri dalam tempoh 6 bulan dari tarikh penerimaan daripada Pihak Berkuasa Jalan.
- (o) Kerja-kerja pembaikan pembersihan hendaklah dijalankan *Kerja pembersihan* selewat-lewatnya tiga (3) hari selepas kerja siap.
- (5) Penyelia utiliti hendaklah memastikan kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja penggalian jalan atau rezab jalan mematuhi langkah-langkah keselamatan seperti berikut:- *Keselamatan*
  - (a) Memasang papan-papan tanda amaran/keselamatan lalulintas yang mencukupi mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Jalan.
  - (b) Memasang lampu “blinkers” di tempat-tempat strategik yang boleh dilihat pada waktu malam dan ketika cuaca buruk demi untuk keselamatan pengguna jalanraya.
  - (c) Papan tanda dengan nama dan nombor telefon agensi pelaksana hendaklah dipamerkan di tapak bagi kemudahan orang awam membuat aduan.
  - (d) Penyelia utiliti dan kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya di atas sebarang kemalangan atau tuntutan ganti rugi dari segi undang-undang yang disabitkan dari penggalian jalan atau rezab jalan.
  - (e) Pada setiap masa dalam tempoh kerja-kerja dijalankan, pihak Penyelia Utiliti dan kontraktor hendaklah mempunyai perlindungan insuran bagi pampasan awam.
- (6) Syarat-syarat tambahan *Syarat-syarat tambahan*
  - (a) Garis panduan penggalian dan pemasangan semula kemudahan awam dalam rizab jalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 22 Januari 1996 hendaklah juga digunapakai;
  - (b) Mana-mana syarat yang tiada di dalam garis panduan ini adalah tertakluk kepada arahan teknik jalan dan garis panduan sedia ada Pihak Berkuasa Tempatan.
  - (c) Pihak berkuasa jalan berhak menarik kebenaran yang diberikan sekiranya pihak agensi utiliti atau penyelia utiliti tidak/ gagal mematuhi garis panduan atau syarat-syarat di atas.
  - (d) Pihak Berkuasa Jalan juga berhak menambah lain-lain syarat/ arahan/ penentuan terknikal yang perlu asalkan tidak bercanggah dengan peraturan garis panduan ini.

## 6B. Garis Panduan Penggalan Di Luar Jangka

(1) Permohonan penggalan di luar jangka hendaklah melalui Penyelia Utiliti. *Permohonan*

(2) Penyedia Utiliti melalui penyelia utiliti hendaklah memaklumkan sekurang-kurang 24 jam sebelum kerja-kerja tersebut dimulakan secara telefon, bertulis, fax dan kiriman kepada Pihak Berkuasa Jalan.

(3) Semua permohonan hendaklah berdaftar dengan Penyelia Utiliti melalui kaedah yang ditetapkan sebelum kerja di jalankan.

(4) Akaun Deposit

(a) Penyedia utiliti hendaklah membuka akaun deposit bagi pengorekan kecemasan sekali untuk setahun. *Akaun Deposit*

(b) Amaun deposit dalam bentuk tunai yang ditetapkan adalah seperti berikut:

Agensi Utiliti	JKR Daerah	PBT
(c) TNB	100,000	100,000
(d) SAJ	100,000	100,000
(e) Telekom	100,000	100,000
(f) IWK	100,000	100,000
(g) Lain-lain	100,000	100,000.

(c) Pada setiap masa akaun deposit hendaklah mempunyai amaun tidak kurang daripada jumlah yang ditetapkan sepertimana di atas.

(d) Wang deposit atau baki akan dikembalikan oleh Pihak Berkuasa Jalan jika pendeposit tidak lagi terlibat dengan penggalan jalan atau rezab jalan.

(5) Pembaikan semula permukaan jalan yang terlibat perlu dijalankan dalam tempoh 24 jam selepas pembaikan utiliti.

(6) Kontraktor dan penyedia utiliti perlu mematuhi spesifikasi kerja dan keselamatan seperti garis panduan penggalan terancang serta garis panduan Pihak Berkuasaan Jalan dan Penyelia Utiliti sepanjang tempoh masa kerja dijalankan. *Syarat-syarat teknikal*

(7) Sebarang kerja-kerja di luar jangkaan yang tidak dimaklumkan dan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Jalan atau Penyelia Utiliti terlebih dahulu ataupun tidak memenuhi syarat-syarat dan spesifikasi yang ditetapkan boleh di ambil tindakan. *Penalti*

## 6C. Mekanisma Pemantauan Aktiviti Penggalian/Pembinaan

- (1) Pemantauan aktiviti pembinaan/penggalian akan dilaksanakan oleh Penyelia Utiliti dengan menempatkan kakitangan di tapak pembinaan sepanjang tempoh pembinaan.
- (2) Penyelia Utiliti juga hendaklah memastikan kontraktor yang dilantik oleh Penyedia Utiliti memiliki kelayakan dan kebolehan menjalankan kerja dengan memiliki lesen serta sijil yang berkaitan dan bersesuaian.
- (3) Penyelia Utiliti hendaklah memastikan kerja-kerja pembinaan dan pemasangan utiliti mematuhi syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Jalan termasuk spesifikasi teknikal, jadual waktu kerja, aspek keselamatan, kawalan lalulintas, kebersihan tapak dan lain-lain.
- (4) Penyelia Utiliti hendaklah mempamerkan senarai kerja-kerja yang sedang dijalankan melalui kaedah yang sesuai bagi rujukan semua pihak.
- (5) Sekiranya kerja-kerja pembinaan gagal mematuhi syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Jalan, Penyelia Utiliti berhak untuk mengarahkan pemberhentian kerja seterusnya memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Jalan untuk tindakan susulan.
- (6) Pihak Berkuasa Jalan atau Penyelia Utiliti adalah berhak untuk membuka lubang 'manhole' agensi utiliti yang terlibat bagi menjalankan audit semasa menjalankan kerja-kerja imbasan.

## 7. Urustadbir Infrastruktur Utiliti

- (1) Pihak Penyelia Utiliti hendaklah menjadi ahli di dalam Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Pihak Berkuasa Tempatan. *Ahli mesyuarat OSC*
- (2) Pihak Penyelia Utiliti adalah bertanggungjawab untuk: *Peranan Penyelia Utiliti*
  - (a) Merancang, menyelia, memantau, melaksanakan pembangunan, menyelenggara, serta mengawal kemudahan utiliti;
  - (b) Merencana dan melaksanakan dasar kerajaan bagi infrastruktur utiliti;
  - (c) Menyediakan pelan induk dan inventori utiliti negeri Johor bagi menyelaraskan pembangunan infrastruktur negeri Johor;
  - (d) Menyediakan penyelia tapak yang bertauliah (NIOSH, MCMC, CIDB, SPAN, Suruhanjaya Tenaga, JKR);
  - (e) Memantau dan memastikan kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor dilantik oleh Agensi Utiliti mematuhi segala peraturan dan undang-undang pihak berkuasa tempatan;
  - (f) Memastikan kerja-kerja yang dijalankan mematuhi spesifikasi dan piawaian yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Koridor Infrastruktur Negeri Johor;

- (g) Memastikan kerja-kerja yang dijalankan berdasarkan jadual kerja yang telah dipersetujui oleh Penyelia Utiliti, Penyedia Utiliti dan Pihak Berkuasa Jalan;
  - (h) Menyediakan kawalan lalulintas mematuhi Arahan Teknik Jalan 2C/85.
  - (i) Menyediakan laporan perkembangan projek yang mengandungi gambar semasa dan laporan harian untuk dimajukan kepada Pihak Berkuasa Jalan.
  - (j) Mengarahkan pemberhentian kerja oleh kontraktor sekiranya perlu dan memaklumkan kepada Pihak Berkuasa untuk tindakan selanjutnya.
  - (k) Penyelia utiliti hendaklah memantau dan mematuhi segala peraturan dan mana-mana peruntukan undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan berhubung pemotongan dan pengalihan pokok.
- (3) (a) Penyedia utiliti hendaklah melantik kontraktor yang berpengalaman dan berdaftar dalam melaksanakan kerja-kerja pembinaan jalan bagi menimbus *backfill* mengikut *standard for reinstatement of trenches* sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Jalan. *Peranan Penyedia Utiliti*
- (b) Penyedia Utiliti hendaklah mengemukakan permohonan untuk pembangunan utiliti melalui Penyelia Utiliti yang dilantik kerajaan dan memenuhi setiap keperluan yang dikehendaki oleh pihak Penyelia Utiliti.
- (4) (a) Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memantau dan memproses permohonan permit kerja yang dikemukakan oleh Penyelia Utiliti bagi pihak agensi utiliti. *Peranan Pihak Berkuasa Tempatan*
- (b) Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah melakukan pemeriksaan terhadap lokasi penggalian/ pembinaan utiliti sebelum dan selepas kerja di buat.
- (c) Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memaklumkan pemohon semasa pemeriksaan dilakukan, sekiranya kerja tidak memenuhi keperluan dan piawaian minima dari segi pembinaan, kemudahan dan sebagainya sebelum pemeriksaan dibuat semula.
- (d) Pihak Berkuasa Tempatan boleh menarik balik atau menggantung permit kerja yang dikeluarkan ataupun mengenakan denda sekiranya didapati pemohon tidak memenuhi keperluan minima serta syarat yang dikenakan bagi menjalankan kerja penggalian atau pembinaan kemudahan utiliti.
- 8. (1) Jawatankuasa Pengurusan Koridor Infrastruktur** perlu ditubuhkan dan akan di pengerusikan oleh pengarah Unit Perancang Ekonomi Johor (UPENJ). Pengerusi akan membawa keputusan mensyuarat kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat *Penubuhan jawatankuasa*



Kerajaan untuk diputuskan dan dan dijadikan sebagai keputusan kerajaan.

(2) Jawatankuasa ini berperanan untuk membantu Penyelia Utiliti yang dilantik kerajaan bagi menyeragamkan prosedur permohonan, garis panduan teknikal, menyelesaikan rayuan pemaju dan penyedia utiliti dan arahan kerja teknikal.

(3) Struktur jawatankuasa adalah seperti yang berikut:

Pengerusi : Pengarah UPENJ

Urusetia: UPENJ

Ahli jawatankuasa:

- i. Pentadbir Tanah dan Daerah
- ii. Pegawai Daerah
- iii. Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan
- iv. SUKJ Kerajaan Tempatan
- v. Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR)
- vi. Ketua Pegawai Eksekutif IRDA
- vii. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor
- viii. Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
- ix. Pengarah TENAGA
- x. Pengarah SPAN
- xi. Penyelia Utiliti



## **9. Penutup**

Garis panduan ini telah menggariskan perkara-perkara asas berhubung dengan definisi, prinsip perancangan serta garis panduan umum, garis panduan khusus dan piawai perancangan yang perlu dipatuhi bagi penyediaan laluan kemudahan utiliti dan penggalan jalan.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri agar aspek-aspek yang dicadangkan di dalam garis panduan ini dapat dipatuhi dan memandu Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju di dalam merancang, mengawal dan memantau penyediaan dan pembangunan tanah lapang secara lebih berkesan dan mampan.



**LAMPIRAN 1**  
**(A) KORIDOR UTILITI**

**a) Keratan Rentas Jalan 66 kaki (20 meter)**




**LAMPIRAN 1**

**(B) DEDICATED UTILITIES ROAD CROSSING (DURC)**




**LAMPIRAN 2**  
**REKABENTUK DUKTUS GUNASAMA TELEKOMUNIKASI**




**LAMPIRAN 3**

**MEKANISMA MEMPROSES PERMOHONAN**


**KEBENARAN MERANCANG & PELAN BANGUNAN**



**LAMPIRAN 4**  
**SUSUNAN LALUAN UTILITI BAGI JALAN SEDIA ADA**




**Gambarajah E1**  
 Skala : n.t.s




**Gambarajah E2**  
 Skala : n.t.s

Nota : Ukuran jarak a,b,c & d hendaklah ditunjukkan dengan jelas.  
 Ukuran jarak X hendaklah minima 300mm.

**LAMPIRAN 4**  
**SUSUNAN LALUAN UTILITI BAGI JALAN SEDIA ADA**




**Gambarajah E3**  
 Skala : n.t.s




**Gambarajah E4**  
 Skala : n.t.s

Nota : Ukuran jarak a,b,c & d hendaklah ditunjukkan dengan jelas.  
 Ukuran jarak X hendaklah minima 300mm.

**LAMPIRAN 4**  
**SUSUNAN LALUAN UTILITI BAGI JALAN SEDIA ADA**



Gambarajah E5  
Skala : n.t.s




Gambarajah E6  
Skala : n.t.s

Nota : Ukuran jarak a,b,c & d hendaklah ditunjukkan dengan jelas.  
Ukuran jarak X hendaklah minima 300mm.



**LAMPIRAN 4**  
**SUSUNAN LALUAN UTILITI BAGI JALAN SEDIA ADA**



**Gambarajah E8**  
Skala : n.t.s

Nota : Ukuran jarak a,b,c & d hendaklah ditunjukkan dengan jelas.  
Ukuran Jarak Y hendaklah Mengikut Spesifikasi jabatan / Agensi  
Utiliti Berkaitan

**LAMPIRAN 5**  
**PENGIRAAN WANG AMANAH**

**TAJUK** :  
**NO. FAIL** :  
**PANJANG KOREK** : **m** (mengikut ukuran di tapak)  
**LEBAR** : **m** (tidak melebihi 2 meter lebar)

**(1) PENGIRAAN WANG AMANAH**

Panjang korekan (m)	x	Lebar korekan (m)	=	Luas korekan (m <sup>2</sup> )
Kadar wang amanah			=	<b>RM 46.30/ m<sup>2</sup></b>
Jumlah wang amanah	=	Luas korekan	x	Kadar Wang Amanah

**(2) CAJ PERKHIDMATAN**

10% daripada Wang Amanah

**LAMPIRAN 6**  
**SENARAI SEMAK PENYELIA UTILITI**

Sila tandakan ( ✓ ) jika perkara-perkara berikut telah dilengkapkan. Pusat Sehenti (OSA) perlu memastikan semua perkara-perkara dibawah telah dipatuhi sebelum sebarang permohonan dikemukakan

- |     |   |                          |
|-----|---|--------------------------|
| 1.  | Surat Permohonan daripada Pusat Sehenti telah disertakan  | <input type="checkbox"/> |
| 2.  | Disertakan borang BKU yang telah diisi dengan lengkap   | <input type="checkbox"/> |
| 3.  | Disertakan Pelan Infrastruktur Utiliti (Scanning) yang telah disahkan                             | <input type="checkbox"/> |
| 4.  | Disertakan Maklumat Agensi Utiliti / Pemaju :   | <input type="checkbox"/> |
|     | a. Akuan Agensi Utiliti / Pemaju  | <input type="checkbox"/> |
|     | b. Akuan Juruperunding Agensi Utiliti / Pemaju  | <input type="checkbox"/> |
|     | c. Surat Lantikan Kontraktor Berdaftar  | <input type="checkbox"/> |
| 5.  | Disertakan Salinan Sijil-sijil berkaitan (Kontraktor Awam / Letrik / Komunikasi / Air):           |                          |
|     | a. Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)   | <input type="checkbox"/> |
|     | b. Pendaftaran CIDB   | <input type="checkbox"/> |
|     | c. Suruhanjaya Tenaga   | <input type="checkbox"/> |
|     | d. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)   | <input type="checkbox"/> |
|     | e. National Institut of Occupational Safety and Health (NIOSH)                                    | <input type="checkbox"/> |
| 6.  | Disertakan Jadual Kerja   | <input type="checkbox"/> |
| 7.  | Disertakan Cara Perlaksanaan Kerja (Method Statement)   | <input type="checkbox"/> |
| 8.  | Disertakan salinan Insuran  | <input type="checkbox"/> |
| 9.  | Disertakan Surat Kebenaran Tapak Pelupusan  | <input type="checkbox"/> |
| 10. | Disertakan satu salinan pelan tatatur dikemukakan oleh Perancang Bandar atau Jurukur dari Pemaju. | <input type="checkbox"/> |
| 11. | Disertakan Permohonan untuk kelulusan pelan pindaan oleh Pemaju :                                 |                          |
|     | a. No. Lukisan telah diubah mengikut bil.permohonan/pindaan                                       | <input type="checkbox"/> |
|     | b. No. rujukan BKU : SUKT/BKU/.....   | <input type="checkbox"/> |

Tarikh Permohonan :

Cop Alamat Pusat Sehenti :

**LAMPIRAN 7**  
**BORANG BKU**

BORANG PERMOHONAN PERMIT KEBENARAN MENJALANKAN PEMASANGAN KEMUDAHAN SERTA PENGOREI  
JALAN DI NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

<b>1</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	Untuk Kegunaan Pejabat	
1.1	No. Lot/PTD :		
1.2	Lokasi :		
1.3	Daerah, Negeri :		
<b>2</b>	<b>PEMOHON</b>	Jenis Kemudahan	
2.1	Nama :	Air	<input type="checkbox"/>
2.2	Syarikat :	Tenaga	<input type="checkbox"/>
2.3	No. Telefon (P) :	Pembentungan	<input type="checkbox"/>
2.4	No. Telefon (H/P) :	Telekomunikasi	<input type="checkbox"/>
2.5	No. Fax :	Gas	<input type="checkbox"/>
2.6	Alamat :	Lampu Isyarat	<input type="checkbox"/>
		Lampu Jalan	<input type="checkbox"/>
		Tangki Septik	<input type="checkbox"/>
		CCTV	<input type="checkbox"/>
		Lain-Lain:	<input type="checkbox"/>
	<i>(sila sertakan lampirkan Akuan Utiliti/Pemaju)</i>	<i>(sila nyatakan)</i>	
<b>4</b>	<b>KONTRAKTOR BERDAFTAR DENGAN AGENSI UTILITI /PEMAJU (lampirkan surat lantikan)</b>		
4.1	Nama Syarikat :		
4.2	Alamat :		
4.3	No. Tel :	Nama Pegawai:	
		No. Sijil	Sah Laku
4.5	SURUHANJAYA TENAGA (ST) <i>(sila sertakan salinan)</i>		<b>Ada</b> <b>Tiada</b>
4.6	SUHANJAYA KOMUNIKASI <i>(sila sertakan salinan)</i>		<b>Ada</b> <b>Tiada</b>
4.7	PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR <i>(sila sertakan salinan)</i>		<b>Ada</b> <b>Tiada</b>
4.8	CIDB <i>(sila sertakan salinan)</i>		<b>Ada</b> <b>Tiada</b>
4.9	NIOSH <i>(sila sertakan salinan)</i>		<b>Ada</b> <b>Tiada</b>
4.10	SPAN <i>(sila sertakan salinan)</i>		<b>Ada</b> <b>Tiada</b>
<b>5</b>	<b>JURUPERUNDING YANG BERTANGGUNGJAWAB (diisi oleh Agensi Utiliti / Pemaju)</b>		
5.1	Nama :		
5.2	No. Pendaftaran :		
	Jurutera <i>(sila sertakan salinan lesen Kementerian Kewangan Malaysia)</i>	<b>Ada</b> <b>Tiada</b>	
5.3	No. Telefon :		
5.4	Alamat :		

BORANG PERMOHONAN PERMIT KEBENARAN MENJALANKAN PEMASANGAN KEMUDAHAN SERTA PENGOREKAN  
JALAN DI NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

6 JALAN-JALAN YANG TERLIBAT <i>(diisi oleh pemohon)</i>				Untuk Kegunaan Pejabat			
	Nama Jalan yang diwartakan / tidak diwartakan	Pihak Berkuasa Melulus	Panjang (m)	Pemeriksaan Tapak bersama pemohon:			
a							
b							
c							
d							
e							
f							
g							
h							
i							
j							
k							
l							
m							
n							
o							
p							
<b>Jumlah =</b>			<b>Meter</b>				
<i>* Jalanraya yg diwartakan hendaklah dinyatakan no warta</i>							
<b>7 DISERTAKAN JADUAL KERJA (Agensi Utiliti / Pemaju)</b>				Ada	Tiada		
<i>dilampiran I</i>							
<b>8 DISERTAKAN PELAN INFRASTRUKTUR UTILITI YANG DISAHKAN (Pemohon)</b>				Ada	Tiada		
<i>dilampiran II</i>							
<b>9 ULASAN PIHAK BERKUASA LAIN ( Jika Perlu)</b>				Ada	Tiada		
<i>dilampiran III</i>							
<b>10 SALINAN INSURANS YANG DIAKUI SAH (Agensi Utiliti / Pemaju)</b>				Ada	Tiada		
10.1	Insurans Terhadap Kecederaan Diri dan Kerosakan Harta Benda	Tempoh Sahlaku					
			-				
10.2	Insurans Kerja		-				
10.3	Insurans Pampasan Pekerja		-				
<b>11 TAPAK PELUPUSAN LEBIHAN BAHAN KOREKAN (Agensi Utiliti / Pemaju)</b>				Ada	Tiada		
11.1	Pemilik Tapak						
11.2	Alamat Tapak						
11.3	Surat Kebenaran Tapak Pelupusan (Agensi Utiliti / Pemaju)				Ada	Tiada	
<i>dilampiran IV</i>							
<b>12 TEMPOH YANG DIPOHON (diisi oleh Agensi Utiliti / Pemaju)</b>							
12.1	Kerja Bermula	:					
12.1	Kerja Berakhir	:					

BORANG PERMOHONAN PERMIT KEBENARAN MENJALANKAN PEMASANGAN KEMUDAHAN SERTA PENGOREH JALAN DI NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

13	PENGIRAAN JUMLAH WANG AMANAH		Untuk Kegunaan Pejabat
	Ditentukan Oleh Pihak Berkuasa Melulus (PBT / JKR)		
Bil	Perkara	Jumlah (RM)	
13.1	Perkara-perkara Am : Keperluan Insurans berkaitan, membersihkan tapak bina, lencongan lalulintas, papantanda mobilisasi dan demobilisasi loji dan jentera & sebagainya bagi tujuan menyiapkan kerja-kerja jika tidak disediakan oleh pemohon  10% dari jumlah kerja pembinaan (b+c+d+e+f)		
13.2	kerja-kerja kambus semula parit korekan dan membaikpulih jalan termasuk 375mm tebal terpadat Asas Jalan (crusher run), minima 1meter lebar  panjang            x            lebar            x            kadar m x                            m x		
13.3	Kerja-kerja kisanan dan turapan  panjang            x            lebar            x            kadar m x                            m x		
13.4	Kerja-kerja pembaikan laluan pejalan kaki  panjang            x            lebar            x            kadar m x                            m x		
13.5	Kerja pembaikan bahu dan/atau pembahagi jalan  panjang            x            lebar            x            kadar m x                            m x		
13.6	kerusakan-kerusakan lain seperti bebendul (kerb), garisan jalan, papantanda nama jalan / tunjuk arah dan kerosakan yang diluar jangkaan  panjang            x            lebar            x            kadar m x                            m x		
	<b>JUMLAH WANG AMANAH</b>		

BORANG PERMOHONAN PERMIT KEBENARAN MENJALANKAN PEMASANGAN KEMUDAHAN SERTA PENGOREKAN  
JALAN DI NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

14	PERAKUAN	
a	Saya mengaku bahawa saya akan menggantirugi kepada Pihak Berkuasa Melulus dari sebarang tuntutan sivil/kerugian/kerosakan hartabenda/kehilangan nyawa dan sebagainya.	
b	Saya mengaku akan mematuhi syarat-syarat piawaian dan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan dan kegagalan berbuat demikian, Pihak Berkuasa Melulus berhak membatalkan permit ini tanpa sebarang alasan.	
c	Saya Agensi Utiliti yang bertanggungjawab akan mematuhi apa jua arahan dari Pihak Berkuasa Melulus sekiranya diberi arahan untuk mengalih segala aset-aset Agensi Utiliti bagi pelebaran jalan dan sebagainya dengan kos yang ditanggung oleh pihak Agensi Utiliti sendiri.	
	_____ <i>(tandatangan)</i>	_____ <i>(Tandatangan Pengurus Besar Utiliti)</i>
	_____ <i>(Nama pemohon dalam huruf besar)</i>	Nama : No. K/P : Jawatan: Cop Syarikat :
	_____ _____ _____ _____	
	_____ <i>(Alamat pemohon dalam huruf besar)</i>	
c	Kami yang bertandatangan dibawah ini bersetuju untuk mematuhi Undang-undang Kecil Kerja Di Jalan 1996 dan apa-apa terma atau syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Melulus dan akan menanggung segala kos bagi pematuhan itu. Sebagai Jurutera Professional saya akan bertanggungjawab sepenuhnya keatas segala rekabentuk dan perjalanan kerja-kerja tersebut.	
	_____ <i>(tandatangan)</i>	_____ <i>(tandatangan)</i>
	_____ <i>(Perisind Venture Sdn Bhd)</i>	_____ <i>(Agensi Utiliti)</i>
	_____ _____ _____ _____	_____ <i>(Alamat Juruperunding Berdaftar dalam huruf besar)</i>
	_____ <i>(Alamat dalam huruf besar)</i>	_____ <i>Cop Juruperunding</i>
	Tarikh : _____	Tarikh : _____

## LAMPIRAN 8 CARTA ALIRAN KERJA PENYELIA UTILITI

